

SOALAN NO. 158**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN JEFF OOI CHUAN
AUN [JELUTONG]****SOALAN :**

YB Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana peruntukan Kawasan Parlimen P50 (DAP - Jelutong) telah dibiayai menerusi Pejabat Pegawai Pembangunan Negeri (Persekutuan) serta pihak ICU, Jabatan Perdana Menteri, dalam sepanjang tempoh Parlimen Ke-12 (2008-2013) dan Parlimen Ke-13 (2013-2018). Berikan butir-butir terperinci mengikut pecahan setiap item projek.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2008 sehingga Disember 2013, sebanyak 489 program/projek bernilai RM2.31 juta telah diluluskan untuk dilaksanakan di kawasan Parlimen Jelutong, manakala bagi tempoh bermula Januari 2014 hingga 9 Mac 2018, sebanyak 87 program/projek bernilai RM0.99 juta telah diluluskan untuk dilaksanakan.

Jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi kawasan Parlimen Jelutong adalah sebanyak RM3.30 juta merangkumi 576 program/projek. Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek berkenaan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.